

Masalah banjir kilat kritikal

Penduduk mohon saluran perparitan kampung dinaik taraf

KAMPUNG ASSAM JAWA - Kewujudan kolam udang sejak enam tahun lalu dikatakan menjadi salah satu punca kejadian banjir kilat semakin kritikal di kawasan penempatan Kampung Assam Jawa, di sini.

Insiden itu dikatakan berlaku berikutan sistem perparitan sedia ada sering mengalami masalah tersumbat menyebabkan rumah penduduk yang berada di kawasan rendah sering dinaiki air.

Seorang penduduk, Jumali Mohamad berkata, kerosakan pada kalbot (saluran air lalu) di parit utama juga menyumbang masalah banjir kilat di kawasan itu.

Menurutnya, bukan sahaja kediaman mereka dinaiki

air, perusahaan tanaman serai seluas dua hektar yang diusahakan penduduk juga musnah.

"Kita mohon kepada pihak berwajib memantau keadaan parit di kawasan ini, jika ada kerosakan lakukan kerja penambahbaikan dengan kadar segera.

"Sampai bila penduduk perlu berdepan dengan situasi sama, setiap kali hujan lebat dan air pasang, penduduk terpaksa berjaga siang malam kerana khawatir peralatan rumah rosak ditenggelami air," katanya kepada *Sinar Harian*, di sini, semalam.

Ketua Kampung Assam Jawa, Ramli Yusof berkata, jawatankuasa kampung sudah beberapa kali mengemukakan



Penduduk melihat keadaan parit yang tersumbat akibat kerosakan pada kalbot yang mendap.

permohonan untuk pembesaran laluan air di Sungai Buloh dan Kuala Selangor bagi mengelak isu banjir kilat berlaku.

Katanya, masalah banjir di

kawasan itu bertambah kritikal selepas wujudnya perusahaan kolam udang menyebabkan kalbot pecah dan mendap.

"Meskipun Jabatan

Pengairan dan Saliran (JPS) ada buat seliaan, tetapi saya minta mereka buat pemantauan lebih kerap, saluran yang rosak perlu dibuat baru untuk kemudahan penduduk ter-

utamanya di Sungai Bukit Rotan, Assam Jawa dan Api-Api, kita juga minta laluan air yang ditutup sebelum ini dibuka semula," katanya.

Jurutera JPS Daerah Kuala Selangor, Ir Shafii Ramli ketika dihubungi berkata, pihaknya merancang untuk melaksanakan kerja penggalian parit dalam masa terdekat.

Jelasnya, kunci air yang ada di kawasan itu sentiasa aktif untuk mengalir air keluar ke laut, namun disebabkan musim tengkujuh ditambah dengan kejadian air pasang menyebabkan air lambat surut.

"Sementara menunggu kerja penggalian parit dijalankan, saya minta penduduk agar bersabar," katanya.